



Covid-19 #kitamestimenang

(27 Mei 2021) Kosmo P.d

7,478 penularan, 63 pesakit meninggal dunia dengan 22 kluster baharu dilapor

Kes harian, kematian pecah rekod

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes baharu dan angka kematian akibat Covid-19 negara merekodkan kes tertinggi semalam dengan 7,478 kes dan 63 pesakit meninggal dunia.

Angka kes aktif dengan kebolehhajjangan juga terus meningkat kepada 66,208 kes termasuk 756 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 377 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes kematian dengan enam daripadanya warga asing dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Kedah, Perak, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Sabah dan Pahang menjadikan jumlah kumulatif kes kematian terkini sebanyak 2,432 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor merekodkan angka tertinggi sebanyak 2,455 kes, diikuti oleh Kuala Lumpur sebanyak 760 kes dan Sarawak sebanyak 640 kes.

"Seterusnya, Johor (587), Kelantan (547), Kedah (542), Pulau Pinang (420), Negeri Sembilan (370), Perak (264), Melaka (230), Sabah (229), Terengganu (177) dan Pahang (171).

"Labuan pula dengan 49 kes, Putrajaya sebanyak 29 kes dan Perlis merekodkan lapan kes ba-



AHLI jawatankuasa Kuil Seck Kia Eenh, Gajah Berang di Melaka menjalankan upacara keagamaan sempena Hari Wesak dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) semalam. – RASUL AZLI SAMAD

haru," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Ujar beliau, terdapat 22 kluster baharu dikenal pasti semalam membabitkan 13 kluster tempat kerja, enam kluster komuniti dan tiga kluster keagamaan.

"Kluster tersebut ialah Kluster Kampung Tun Abdul Razak (sembilan kes), Kluster Jalan Bersatu (11 kes), Kluster Meranti Jaya 2 (23 kes), Kluster Jalan Sukma (10 kes), Kluster Jalan Bukit Satu

(tujuh kes) dan Kluster Jalan Satu Ayer Hitam (13 kes).

"Selain itu, Kluster Jalan Temenggung Dua (27 kes), Kluster Industri Zon Dagang Satu (79 kes), Kluster Perusahaan Maju Sepuluh (25 kes), Kluster Jalan Cassia Selatan Lima (39 kes), Kluster Jalan Ika (37 kes) dan Kluster Industri Kampung Tersang (15 kes)," ujarnya.

Kata Noor Hisham, kluster lain ialah Kluster Kampung Se-

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
Kes baharu	7,478
Import:	5
Tempatan:	7,473
Pulih	4,665
Kematian	63
Masih dirawat	66,208
Jumlah kes sembuh	464,727
Jumlah Kematian	2,432
Jumlah kes keseluruhan 533,367	

merah Padi (21 kes), Kluster Bandar Lama Machang (lapan kes), Kluster Kampung Kenjong (13 kes), Kluster Sungai Pukul (18 kes), Kluster Delima Raya (36 kes), Kluster Kauran Durok (12 kes) dan Kluster Tengar Industri (lapan kes).

Tambah beliau, selebihnya ialah Kluster Lestari Mewah (11 kes), Kluster Jalan Harmoni Utama (19 kes) serta Kluster Chat Lipis (21 kes).

Pada masa sama, Noor Hisham terus menyeru rakyat Malaysia untuk mengamalkan kawalan pergerakan sendiri dan keluarga sebagai langkah memutuskan rantaian penularan Covid-19.

Katanya, ini mengambil kira situasi semasa yang semakin serius dengan Covid-19 menular di kebanyakan tempat, akibat daripada peningkatan kes-kes sporadik dalam komuniti.

"Secara tidak sedar, sesiapa sahaja boleh dijangkiti atau menjangkiti individu lain. Hakikatnya virus tidak bergerak, yang bergerak adalah manusia dan yang berhimpun juga adalah manusia.

"Semakin banyak pergerakan masyarakat dan kontak dengan orang lain, semakin tinggi kebarangkalian untuk pandemik Covid-19 merebak dan menjangkiti.

"Lebih-lebih lagi jika masyarakat tidak memakai pelitup muka, saling bersentuhan, tidak menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu hingga dua meter di antara satu sama lain, bersesak-sesak di tempat sempit dan tiada pengudaraan yang baik," katanya.

Beliau berkata, tindakan-tindakan tersebut perlu dielakkan oleh semua pihak supaya rantaian jangkitan Covid-19 dapat diputuskan.